



NASKHAH DRAMA ABSURD ISMAIL KASSAN
BERDASARKAN KONSEP ESTETIKA BERSEPADU

NASIR BIN RAZALI




TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁰..... (hari bulan)¹²..... (bulan) 20..²⁴....

i. Perakuan pelajar :


Saya, **NASIR BIN RAZALI, P20171001263, INSTITUT PERADABAN MELAYU** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **NASKHAH DRAMA ABSURD ISMAIL KASSAN BERDASARKAN KONSEP ESTETIKA BERSEPADU** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR DR. AZHAR WAHID** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **NASKHAH DRAMA ABSURD ISMAIL KASSAN BERDASARKAN KONSEP ESTETIKA BERSEPADU** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan Kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PERADABAN MELAYU)**.

10/12/24
Tarikh


Tandatangan Penyelia

Profesor Dr. Azhar Hj. Wahid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

**NASKAH DRAMA ABSURD ISMAIL KASSAN
BERDASARKAN KONSEP ESTETIKA BERSEPADU**

No. Matrik / Matric's No.:

P20171001263

Saya / I :

NASIR BIN RAZALI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 10/12/24

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Profesor Dr. Azhar Hj. Wahid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya tesis ini dapat disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan, dan ucapan terima kasih kepada penyelia, iaitu Profesor Dr. Azhar Hj Wahid atas kesudian memberi pandangan, dan saranan bagi memurnikan tesis ini.

Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada Ismail Kassan, pengarang “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta”, dan “Istiqamah”.

Sedekah al-Fatihah kepada Hj. Razali Abu Kasim (ayah), Hjh. Sapiah Abd Wahid (ibu), Dr. Hj. Naffi Mat (guru), Dr. Anuar Nor Arai (guru), Ali Majod (guru), Wisran Hadi (guru), Mior Shariman Hassan@Mishar (guru), Rahimidin Zahari (rakan), Sutung Umar RS (rakan) dan Rosli Mohd Sah (rakan). Kalian semua kukenang sampai bila-bila.

Akhir kata, terima kasih juga kepada keluarga dan semua pihak yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung sepanjang tesis ini dijalankan serta rakan-rakan dalam dunia kesusasteraan baik di Malaysia dan juga di Indonesia. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa baik anda semua.

Wassalam.

NASIR BIN RAZALI,
Institut Peradaban Melayu,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjung Malim,
Perak.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk merumuskan keputusan pengarang dalam naskhah drama absurd Ismail Kassan, iaitu “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta”, dan “Istiqamah”. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dan penghuraian teks yang dilakukan secara deskriptif. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti ciri-ciri naskhah drama absurd Melayu, menyelidiki Konsep Estetika Bersepadu yang digagaskan Abdul Halim Ali (2010) dan merumuskan keputusan pengarang dalam trilogi naskhah drama absurd Ismail Kassan dengan mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu. Hasil kajian mendapati, ciri-ciri naskhah drama absurd Melayu mengetengahkan nilai-nilai keislaman dan isu-isu masyarakat, selain latar pentas dan watak-watak tidak spesifik, dialog tegas dan menarik serta mempunyai elemen moden. Hasil kajian menunjukkan Konsep Estetika Bersepadu oleh Abdul Halim Ali menekankan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan perpegang kepada prinsip kesepaduan dan perkaitan yang ada pertalian tekstual dalam usaha pengarang menyampaikan mesej kebajikan dan kebaikan kepada khalayak. Ini mempunyai fungsi dan sifat hampir sama seperti proses Allah SWT mencipta Nabi Adam AS dengan tujuan Nabi Adam AS menjadi khalifah di dunia untuk menyampaikan kebenaran-Nya. Hasil kajian mendapati Konsep Estetika Bersepadu yang diaplikasikan terhadap ketiga-tiga teks Ismail Kassan dapat merumuskan keputusan pengarang berkenaan Keesaan Allah SWT, al-Quran, Rasul-Rasul utusan-Nya, manusia dengan Allah SWT, akidah, Iblis, perpaduan, alam sekitar, takdir, ajal, akal, pemimpin, tamak, sombong, hasad dengki, air, ilmu, kedudukan, kekuasaan dan kemaksiatan. Kesemua keputusan ini membuktikan pengarang sedar hakikat insan yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk menyampaikan kebenaran-Nya kepada khalayak menerusi teks ciptaannya. Implikasinya, kajian ini mendapati keputusan pengarang itu memberi manfaat untuk kesejahteraan hidup manusia yang melewati daerah keimanan khususnya kepada umat Islam kerana ia bersifat sejagat dan melepasi batas waktu.





ISMAIL KASSAN ABSURD PLAYSRIPTS BASED ON THE CONCEPT OF INTEGRATED AESTHETICS

ABSTRACT

This study aims to summarize the author's message in Ismail Kassan's absurd playscripts, namely "Syajar", "Sabda Sang Pendeta", and "Istiqamah". This study uses the method of analysis and interpretation of the text which is done descriptively. The objective of this study is to identify the characteristics of Malay absurd playscript, investigating the Concept of Integrated Aesthetics by Abdul Halim Ali (2010) and summarizing the author's message in Ismail Kassan's absurd playscripts trilogy by applying the Concept of Integrated Aesthetics. The results of the study found that the characteristics of Malay absurd playscript highlight Islamic values and community issues, stage setting and characters non-specific, firm and interesting dialogue and have modern elements. The results of the study show that the Concept of Integrated Aesthetics by Abdul Halim Ali emphasizes the Characteristics of 'Keadaman' in literary text by adhering to the principle of coherence and textual relevance in the author's effort to convey a message of virtue and goodness to the audience. This has the same function and nature as the process of Allah SWT creating Prophet Adam AS with the purpose of Prophet Adam AS becoming a caliph in the world to convey His truth. The results of the study found that the Concept of Integrated Aesthetics applied to the three texts of Ismail Kassan was able to formulate the author's message regarding the Oneness of Allah SWT, the Qur'an, Apostles was His messengers, human and Allah SWT, creed, the Devil, unity, the environment, destiny, death, common sense, leader, greed, arrogance, envy, water, knowledge, position, power and disobedience. All of these messages prove that the author is aware of the nature of human beings that Allah SWT is responsible for conveying His truth to the audience through the text. The implication is that this study found that the author's message is beneficial for the well-being of human life that passes through the area of faith especially for Muslims because it is universal and transcends time limits.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	15
1.4 Soalan Kajian	15
1.5 Kepentingan Kajian	16
1.6 Skop dan Batasan Kajian	17
1.7 Kaedah Kajian	19
1.8 Definisi Operasional	20
1.8.1 Naskhah Drama Absurd	21
1.8.2 Melayu	22
1.8.3 Islam	23
1.8.4 Perutusan	23





1.8.5 Absurd	24
--------------	----

1.8.6 Naskhah drama absurd Melayu	25
-----------------------------------	----

1.9 Kesimpulan	26
----------------	----

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	28
----------------	----

2.2 Kajian Berkenaan Naskhah Drama Absurd Pengarang Melayu	28
--	----

2.3 Kajian Berkenaan Naskhah Drama Ismail Kassan	34
--	----

2.4 Kajian Berkenaan Konsep Estetika Bersepadu	42
--	----

2.5 Kesimpulan	51
----------------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	56
----------------	----

3.2 Reka Bentuk Kajian	56
------------------------	----

3.2.1 Kaedah Analisis Teks dan Penghuraian Teks	57
---	----

3.2.2 Kaedah Kepustakaan	58
--------------------------	----

3.3 Kerangka Teori	59
--------------------	----

3.3.1 Naskhah Drama Absurd Melayu	60
-----------------------------------	----

3.3.1.1 Perkembangan Drama Absurd di Barat	60
--	----

3.3.1.2 Perkembangan Drama Absurd Melayu di Malaysia	64
---	----

3.3.1.3 Ciri-ciri Naskhah Drama Absurd Melayu	68
---	----

3.3.2 Landasan Konsep Estetika Bersepadu	73
--	----

3.3.2.1 Konsep Estetika Bersepadu	75
-----------------------------------	----

3.3.2.2 Keadaman Teks Kesusasteraan	76
-------------------------------------	----

3.3.2.3 Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan	79
---	----

3.3.2.4 Makna Keindahan dalam Teks Kesusasteraan Berasaskan Idea Kesepaduan dan Perkaitan	85
--	----



3.3.2.5 Prinsip Kesepaduan	86
3.3.2.6 Prinsip Perkaitan	91
3.3.2.7 Rumusan Konsep Estetika Bersepadu	92
3.4 Aplikasi Konsep Estetika Bersepadu Bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan terhadap trilogi naskhah drama Ismail Kassan, iaitu “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta”, dan “Istiqamah”.	93
3.5 Kesimpulan	111

BAB 4 ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan	113
4.2 Analisis trilogi naskhah drama Ismail Kassan dengan mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu bersandarkan Ciri-Ciri Keadaman Teks Kesusasteraan	114
4.3 Nilai-nilai Islam dalam Trilogi Naskhah Drama Ismail Kassan	117
4.3.1 Nilai-nilai Islam dalam “Syajar”	119
4.3.1.1 Iblis Menghasut Manusia	120
4.3.1.2 Perpaduan	126
4.3.1.3 Pelestarian Alam Sekitar	136
4.3.1.4 Takdir Ditentukan Allah SWT	146
4.3.2 Nilai-nilai Islam dalam “Sabda Sang Pendeta”	154
4.3.2.1 Keesaan Allah SWT	155
4.3.2.2 Al-Quran sebagai Kitab yang Mengandung Kebenaran kepada Manusia	168
4.3.2.3 Manusia Menentukan Pilihannya Berdasarkan Akal	183
4.3.3 Nilai-nilai Islam dalam “Istiqamah”	195
4.3.3.1 Air	196
4.3.3.2 Perjanjian Manusia kepada Allah SWT	209

4.3.3.3 Penyembahan Berhala	221
4.4 Isu-isu Masyarakat dalam Trilogi Naskhah Drama Ismail Kassan	236
4.4.1 Isu-isu Masyarakat dalam “Syajar”	238
4.4.1.1 Sikap Pemimpin	239
4.4.1.2 Bunuh Diri	251
4.4.1.3 Perbuatan Syirik	258
4.4.1.4 Tilik Nasib dan Meramal Masa Depan	266
4.4.2 Isu-isu Masyarakat dalam “Sabda Sang Pendeta”	274
4.4.2.1 Tamak	275
4.4.2.2 Sombong	286
4.4.2.3 Hasad dengki	298
4.4.3 Isu-isu Masyarakat dalam “Istiqamah”	304
4.4.3.1 Ajaran Sesat	305
4.4.3.2 Kedudukan, Kepemimpinan dan Kekuasaan	316
4.4.3.3 Manusia dengan maksiat	326
4.5. Perutusan dalam Trilogi Naskhah Drama Ismail Kassan	337
4.5.1 Perutusan pengarang dalam “Syajar”	341
4.5.2 Perutusan pengarang dalam “Sabda Sang Pendeta”	358
4.5.3 Perutusan pengarang dalam “Istiqamah”	371
4.6. Trilogi Naskhah Drama Ismail Kassan sebagai Teks yang Mendukung Perutusan	387
4.7 Kesimpulan	390

BAB 5 KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	393
5.2 Rumusan kajian	393

5.3 Dapatan kajian	395
5.3.1 Dapatan Kajian Ciri-ciri Naskhah Drama Absurd Melayu	396
5.3.2 Dapatan Kajian Konsep Estetika Bersepadu	399
5.3.3 Dapatan Kajian analisis perutusan pengarang dalam trilogi naskhah drama Ismail Kassan, iaitu “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta”, dan “Istiqamah” dengan mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan	402
5.4 Kesimpulan dapatan kajian	415
5.5 Cadangan kajian lanjutan	416
5.6 Penutup	417
RUJUKAN	419

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Ciri-ciri Naskhah Drama Absurd Melayu	72
3.2	Ciri-ciri Keadaman, iaitu proses Allah SWT mencipta Adam AS	82
3.3	Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan	83
3.4	Aplikasi Konsep Estetika Bersepadu bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan untuk menemukan nilai-nilai Islam dan isu-isu masyarakat, dan seterusnya dirumuskan untuk mengungkap keputusan pengarang dari trilogi naskhah drama Ismail Kassan, iaitu “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta”, dan “Istiqamah”	101
4.1	Aplikasi Konsep Estetika Bersepadu bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan untuk menemukan nilai-nilai Islam dalam trilogi naskhah drama Ismail Kassan, iaitu “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta”, dan “Istiqamah”	117
4.2	Aplikasi Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan untuk menemukan nilai-nilai Islam dalam “Syajar”	119
4.3	Aplikasi Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan untuk menemukan nilai-nilai Islam dalam “Sabda Sang Pendeta”	154
4.4	Aplikasi Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan untuk menemukan nilai-nilai Islam dalam “Istiqamah”	195
4.5	Aplikasi Konsep Estetika Bersepadu bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan untuk menemukan isu-isu Masyarakat dalam trilogi naskhah drama Ismail Kassan, iaitu “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta”, dan “Istiqamah”	236
4.6	Aplikasi Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan untuk menemukan isu-isu masyarakat dalam “Syajar”	238
4.7	Aplikasi Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan untuk menemukan isu-isu masyarakat dalam “Sabda Sang Pendeta”	274



4.8	Aplikasi Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan untuk menemukan isu-isu masyarakat dalam “Istiqamah”	304
4.9	Perutusan pengarang diungkapkan dari rumusan nilai-nilai Islam dan isu-isu masyarakat dalam trilogi naskhah Ismail Kassan bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan yang diaplikasikan	337
4.10	Perutusan pengarang hasil rumusan nilai-nilai Islam dan isu-isu masyarakat yang terdapat dalam “Syajar” bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan yang diaplikasikan	341
4.11	Perutusan pengarang hasil rumusan nilai-nilai Islam dan isu-isu masyarakat yang terdapat dalam “Sabda Sang Pendeta” bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan yang diaplikasikan	358
4.12	Perutusan pengarang hasil rumusan nilai-nilai Islam dan isu-isu masyarakat yang terdapat dalam “Istiqamah” bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan yang diaplikasikan	371



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

- | | | |
|-----|--|-----|
| 3.1 | Analisis struktural trilogi naskhah drama Ismail Kassan, iaitu “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta” dan “Istiqamah” dengan mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan. | 108 |
|-----|--|-----|



**SENARAI SINGKATAN**

AS	A1alaihissalam
CP	Cik Puan
G	Gadis
I	Intan
P	Penguasa Pekan
PA	Orang Tua Pencinta Alam
P1	Penikam Ekor 1
P2	Penikam Ekor 2
TT	Tukang Tilik
SAW	Sallallahualaihiwasallam



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan merupakan seni yang menggambarkan keindahan melalui karya baik dari lisan dan prosa. Dalam hal ini, kesusasteraan adalah satu ciptaan yang lahir dari seorang pengarang. Menurut Hashim (1987), iaitu kesusasteraan merupakan “ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Berdasarkan perkara ini, ia mungkin dituturkan (lisan) dan yang ditulis (tulisan).” Oleh hal demikian, kesusasteraan merangkumi dan memiliki keindahan menerusi isi teksnya atau daya pengucapannya.

Kesusasteraan secara definisi seperti dijelaskan Ali Ahmad yang dipetik dalam Tuan Nurizan (2006), iaitu “istilah kesusasteraan kerap dihubungkan dengan asal usul perkataan “kesusasteraan”. Perkataan “sastera” berasal daripada bahasa Sanskrita castra yang disebut syastra, bererti “kitab suci”. Susastra pula bermakna sastera atau seni bahasa yang secara umumnya dimaksudkan persuratan. Tambahan ke pada awal dan an pada akhir kata susyastra menyimpulkan maksud terdekat, iaitu kesenian persuratan yang bersifat halus dan indah.” Berdasarkan penerangan yang



diketengahkan jelas, kesusasteraan merupakan kesenian persuratan yang mengandungi keindahan baik dari sastera berbentuk lisan ataupun bukan lisan.

Sehubungan itu, keindahan yang terkandung dalam kesusasteraan, terutamanya dalam karya prosa dapat diperhatikan kepada gaya bahasa dan teknik yang disampaikan oleh seorang pengarang. Melalui gaya bahasa dan teknik oleh pengarang, ia membuatkan pembaca akan menikmati keindahan tersebut sesuai dengan penerimaannya daripada sesebuah karya prosa yang dibacanya. Dalam hal ini, input keindahan daripada gaya bahasa dan teknik dari karya prosa merupakan proses kenikmatan yang hanya pembaca itu sahaja mengalaminya. Hal ini kerana, pengalaman mendapatkan keindahan tersebut merupakan proses dalaman dan ia berlainan antara pembaca dengan pembaca yang lain walaupun membaca karya yang sama. Menurut Abdul Halim (2024) yang memetik pendapat al-Ghazali, iaitu “keindahan dalaman ialah keindahan yang tersirat, yang wujud dalam bentuk abstrak. Keindahan ini memerlukan kaedah pengapresiasian yang dapat menembusi ruang transendental dengan menghubungkan maklumat dalam bentuk nyata dengan maklumat dalam bentuk abstrak.” Oleh hal demikian, keindahan dalaman ini mempunyai nilai keelokan dan tentu sahaja karya prosa seperti ini memberi sesuatu kebaikan kepada pembaca.

Berdasarkan perkara ini, keindahan bersifat dalaman dan memberi sesuatu kebaikan kepada pembaca itu dapat diperhatikan kepada karya prosa terutamanya naskhah drama. Secara keseluruhan, perkataan drama berasal dari bahasa Grek, iaitu “draomai” yang bermaksud bertindak daripada sesuatu perlakuan dan perbuatan berdasarkan aksi dan peniruan. Drama dimainkan oleh para pelakon dalam sesebuah pementasan untuk dipersembahkan kepada penonton. Seperti dijelaskan Mohd Rosli





(2012), iaitu “drama adalah kisah yang didramatisasikan dan ditulis untuk dipertunjukkan di atas pentas oleh sejumlah pemain, atau pelakon.” Manakala Mana Sikana menjelaskan (1985), iaitu “pergerakan yang dihasilkan oleh pelakon dalam sesebuah pementasan drama bukanlah sebarang gerakan tubuh badan, tetapi gerakan yang halus” dan berseni. Oleh itu, ia membawa unsur-unsur keindahan dan keseronokan bukan kepada pelakon itu sendiri, tetapi juga kepada penonton. Jelas, drama berfungsi memberi hiburan kepada penonton yang menyaksikannya. Oleh demikian, sesebuah drama dapat memberikan hiburan kepada penonton adalah menerusi naratifnya yang dilakonan oleh para pemain berdasarkan dialog, dan aksi yang terdapat di dalam naskhah drama.

Oleh itu, untuk membina naratif dalam sesebuah persembahan drama, ia harus

berdasarkan kepada penciptaan naskhahnya oleh seseorang pengarang. Hal ini kerana, sebagai salah satu karya sastera, naskhah drama seperti dijelaskan Mana Sikana (1988), iaitu “merujuk kepada aspek penskripan, iaitu bagaimana sesebuah skrip drama itu ditulis, apakah unsur-unsur estetikanya, di manakah letak kekuatannya, bagaimana komposisinya, stail apakah yang dipakai oleh dramatisnya, dan berbagai-bagai hal lagi yang menyangkut subjek skripnya.” Sehubungan itu, naskhah drama yang dicipta oleh pengarang itu merangkumi komponen di dalamnya, iaitu arahan pentas, latar pentas, dan objek pentas selain mewujudkan watak-watak. Selain itu, dalam pembinaan sesebuah naskhah drama, menjadi keutamaan adalah dari aspek dialog. Hal ini kerana, dialog dapat memperlihatkan secara jelas perwatakan watak di dalam sesebuah teks. Di samping itu, fungsi dialog seperti dijelaskan Mana Sikana (2006), iaitu sebagai “penggerak plot, dan secara tidak langsung sebagai penghubung antara sebab dan akibat sesuatu peristiwa. Selain itu, dialog berfungsi sebagai





penyampai sesuatu isu yang dikemukakan pengarang melalui naskhah drama ciptaannya secara terperinci dan jelas.” Jelas kesemua komponen yang terdapat dalam naskhah drama menjadi penting kerana berhubungan antara satu sama lain. Selain itu, komponen-komponen yang ada dalam sesebuah naskhah drama berperanan sebagai panduan kepada pengarah teater untuk kerja-kerja pengarahan. Di samping itu juga, komponen-komponen dalam naskhah drama menjadi panduan untuk pemain teater melakonkan watak berdasarkan perwatakan watak-watak di dalam teks. Selain itu juga, seperti dijelaskan Nasir dan Azhar (2019), iaitu “komponen yang terdapat dalam naskhah drama berguna kepada sinografer untuk merekakan dekorasi pentas berpandukan objek pentas, dan latar pentas seperti yang ada dalam teks tersebut.”

Di samping itu, komponen-komponen dalam naskhah drama memberi manfaat kepada pembaca. Hal ini kerana, ia dapat membantu pembaca untuk berimajinasi berdasarkan pembacaannya. Seperti dijelaskan Mana Sikana (1988), iaitu “apabila naskhah drama dibaca berpandukan watak-watak, arahan pentas, latar pentas, dan objek pentas yang disediakan pengarang di dalam teks membuatkan visual yang difikirkan oleh pembaca itu dapat difahami, dan dihayati dengan mudah.” Berdasarkan kenyataan ini, jelas pembaca secara tidak langsung dapat menikmati dan menghayati keseluruhan sesebuah naskhah drama tanpa perlu menyaksikan pementasannya. Hal ini kerana pembaca sudah boleh membayangkan sendiri keseluruhan cerita dari naskhah drama yang dibaca dan membayangkan seolah-olah seperti ia sedang dipentaskan.

Oleh demikian, naskhah drama yang diciptakan oleh seseorang pengarang pasti mempunyai tujuan. Perkara ini penting untuk memberikan sesuatu yang sangat berharga untuk dikongsi kepada pembaca khususnya. Melalui penciptaan naskhah





drama, pengarang secara tidak langsung memunculkan sesuatu yang berguna berdasarkan isu-isu yang diketengahkan di dalam teks agar ia memperlihatkan keindahan bermakna.

Dalam hal ini, naskhah drama sebagai sebuah karya sastra itu seperti dijelaskan oleh Emzir dan Andri (2018), iaitu “merupakan ungkapan pengarang terhadap kehidupan dan peristiwa yang terjadi dalam masyarakat.” Sehubungan itu, naratif dalam naskhah drama dinukilkan pengarang ke dalam bentuk penulisan adalah berdasarkan kreativitinya. Hal ini kerana, ia bertujuan memperlihatkan senario yang terjadi dalam ruang lingkup kehidupan masyarakat dan keadaan sekeliling pengarang itu sendiri. Seperti dijelaskan Damono (1984), iaitu “karya sastra menampilkan gambaran kehidupan, dan kehidupan itu sendiri adalah suatu kenyataan sosial.”

Manakala Sangidu (2004) menyatakan, iaitu karya “sastra adalah bahagian daripada masyarakat, kenyataan yang demikian mengilhami para pengarang untuk melibatkan diri dalam tata kehidupan masyarakat tempat mereka berada, dan mencuba memperjuangkan kedudukan struktur sosial, dan permasalahan yang dihadapi masyarakat.” Jelas melalui naskhah drama, ia membuktikan karya sastra dapat mengembangkan kehidupan, dan kebudayaan masyarakat melalui pemikiran pengarang daripada karya ciptaannya. Menurut Nasution (2008), iaitu “apa yang disampaikan pengarang itu membuat pembaca dapat mengambil kesimpulan, dan menginterpretasikannya sebagai sesuatu yang berguna bagi perkembangan hidupnya.” Oleh demikian, naskhah drama merupakan karya sastra yang dinukilkan pengarang secara berseni agar dapat memperlihatkan keindahan menjurus kepada keelokan. Secara tidak langsung ia melahirkan sesuatu yang bermakna kepada pembaca kerana berkait dengan pesanan pengarang merangkumi unsur-unsur





sosiobudaya, cara hidup, dan pegangan agama pengarang itu sendiri. Schubungan itu, melalui sesebuah naskhah drama, ia dinilai bukan sebagai karya bersifat rekaan pengarang semata-mata, tetapi ia juga memberikan fungsi sebagai nilai tambah bermanfaat kepada khalayak secara estetika. Selain itu, pesanan pengarang yang terkandung dalam naskhah drama ciptaannya dapat berfungsi sebagai bahan bacaan berunsur intelektual yang akan mengungkapkan jati diri pengarang menjurus kepada peradaban, dan tamadun bangsanya.

1.2 Permasalahan Kajian

Naskhah drama adalah sebahagian daripada karya kesusasteraan. Hal ini kerana naskhah drama mengandungi naratif yang digerakkan melalui komponen-komponen, iaitu arahan pentas, latar pentas, objek pentas, watak dan dialog. Menjadi perkara utama dalam setiap naskhah drama apabila dialog watak-watak berperanan sebagai plot kepada naratif. Menurut Nasir dan Azhar (2020), iaitu “menerusi dialog watak-watak akan membuatkan plot naskhah drama dapat difahami, dan seterusnya dapat dihayati oleh pembaca.” Selain itu peranan arahan pentas, objek pentas, dan latar pentas berfungsi dalam membantu perkembangan plot dari satu bahagian, kepada satu bahagian yang lain.

Oleh itu, sudah tentu naratif yang dibina oleh pengarang dalam naskhah drama ciptaannya bertujuan untuk menjelaskan suatu kejadian yang berlaku dalam persekitaran masyarakat dan kehidupan manusia dan ia berfungsi untuk dikongsi kepada khalayak. Ketika proses penciptaan naskhah drama, pengarang tidak dapat mengelak dari dipengaruhi unsur dalaman, dan luaran. Dalam hal ini, Hasanuddin





(1996) menjelaskan, iaitu naskhah drama “dibangun, dan dibentuk oleh unsur-unsur sebagaimana terlihat dalam genre sastra lainnya, terutama fiksi. Secara umum, sebagaimana fiksi, terdapat unsur yang membangun dari dalam karya itu sendiri (intrinsik), dan unsur yang dipengaruhi penciptaan karya tentunya berasal dari luar karya (ekstrinsik).” Oleh demikian, unsur dalaman, dan luaran yang mempengaruhi penciptaan sesebuah naskhah drama oleh seseorang pengarang berdasarkan peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam sesebuah naskhah drama merupakan pandangan pengarang terhadap sesuatu isu yang telah berlaku dalam ruang kehidupan dan persekitarannya. Selain itu, peristiwa-peristiwa yang dinukilkan pengarang dalam naskhah drama ciptaannya secara tidak langsung memperlihatkan budaya, dan cara hidup masyarakat melalui teks yang telah dihasilkannya.



Namun begitu, apabila melihat kepada naskhah drama terutamanya beraliran absurd, peri penting yang harus diselidiki dan disandarkan adalah teks tersebut tidak lagi dicipta seperti naskhah drama realisme, iaitu naratif memaparkan tentang realiti kehidupan sehari-hari. Menurut Solehah (1982), iaitu naskhah “drama absurd bersifat universal, tidak ada cerita atau plot, tidak terdapat perwatakan, kebanyakan drama absurd mempunyai struktur bulat dan dialog dalam drama absurd gagal berfungsi untuk berkomunikasi.” Berdasarkan hal ini, drama absurd mempunyai sifat universal kerana teks membincangkan isu-isu yang sarwajagat. Selain itu, watak dalam naskhah drama absurd tidak memperlihatkan perwatakan kerana naratifnya tidak memaparkan plot secara kronologi, iaitu permulaan kisah, konflik, klimaks, dan seterusnya peleraian, tetapi ia hanya menumpukan kepada pusat penceritaan yang menjadi subjek utama di dalam teks. Secara tidak langsung naratif tidak lagi berfungsi sebagai wadah





penyampaian utama terhadap sesuatu isu yang dikemukakan dalam di dalam teks, sebaliknya memaparkan hal-hal tertentu dan memberikan makna-makna tertentu sehinggakan watak-watak di dalam teks menjadi tidak berkembang dan tidak memperlihatkan perwatakan seperti lazimnya naskhah drama realisme. Seperti dinyatakan Mana Sikana (2006), naskhah drama absurd “adalah bentuk drama yang bercorak anti-cerita, sukar untuk difahami, bertitik tolak daripada unsur fantastik, abstrak, berunsurkan mimpi, dan lebih menjurus kepada premis yang sukar dihayati.” Oleh hal demikian, struktur naratif dan dialog watak-watak dalam naskhah drama absurd menjadi bulat dan berlegar-legar kepada pusat penceritaan dan gagal memberikan komunikasi yang jelas kepada pembaca.

Secara ringkas, perkembangan naskhah drama absurd bermula di Barat pada abad ke-20. Waktu itu, sebahagian dramatis Barat tidak menyenangi teater beraliran realisme dan naturalisme. Menurut Andika (2010) yang disesuaikan, iaitu penggiat teater yang berpegang kepada fahaman absurd “beranggapan manusia pada dasarnya tidak mampu berkomunikasi secara terang dan telus seperti di dalam realisme yang menggunakan bahasa sebagai alat kepada kerationalan ini. Ciri-ciri ini ditolak oleh penggiat absurdisme dan kerana itu penggiat absurdisme mendemonstrasikan bentuk-bentuk non-verbal di dalam persembahan mereka sebagai tanda protes kepada kerationalan tersebut dan konsep ini telah diselitkan dan menjadi salah satu ciri di dalam drama absurd.” Berdasarkan perkara ini, segala penyampaian drama dan naskhah drama absurd dari Barat yang kemudiannya hanya memaparkan sesuatu perkara secara abstrak dalam teksnya.





Selain itu, kewujudan naskhah drama absurd dari Barat seperti dijelaskan Mohamad Nazri (2011) disebabkan “kehilangan kepercayaan terhadap makna pegangan agama di Eropah sejak abad ke-18. Kumpulan Enlightenment dalam bentuk begini diketuai oleh Nietzsche. Beliau mengemukakan pemikiran bahawa Tuhan sudah mati dan Tuhan sudah tidak wujud lagi.” Pegangan terhadap pemahaman ini diperkuatkan lagi oleh kesengsaraan dari Perang Dunia Kedua, lalu menyebabkan ramai ahli fikir di Eropah kehilangan kepercayaan yang sepatutnya ada pada manusia. Sehubungan itu, naskhah drama absurd dari Barat yang dipengaruhi oleh pegangan tiadanya Tuhan dan manusia tidak dapat perlindungan daripada-Nya seperti dijelaskan Mohamad Nazri (2011), iaitu “maka dasar penghasilan karya yang berakar daripada hubungan manusia dengan Tuhan telah tiada. Mereka lebih menekankan isu-isu sarwajagat/universal (yang terpenggal daripada hal-ehwal kerohanian) sebagai tema dan dasar pemikiran dalam karya.”

Namun begitu, naskhah drama yang dihasilkan oleh pengarang Melayu khususnya di Malaysia, tidak mencerminkan hal sedemikian seperti yang terdapat dalam naskhah drama absurd Barat. Menurut Andika (2010), iaitu “ciri-ciri sedemikian ditolak dalam kalangan masyarakat Malaysia yang amat memegang teguh kepada ketuhanan dan nilai ketimuran yang kuat. Sedari awal lagi drama absurdisme Barat sudah memberi petanda ketidakmampuannya dalam menempah tempat sepertimana drama-drama realisme, sandiwara mahupun bangsawan ekoran daripada ideologi yang bertentangan ini. Namun ramalan sedemikian telah berubah dengan munculnya seorang tokoh teater Malaysia dengan mengambil langkah pengubahsuaian bentuk drama absurd tersebut untuk diselesaikan dengan penerimaan masyarakat Malaysia.” Tokoh yang dimaksudkan itu adalah Noordin Hassan dan beliau telah mementaskan drama beraliran absurd bernuansa tempatan, iaitu *Bukan*





Lalang Ditiup Angin pada tahun 1971. Menurut Andika (2010), iaitu “kebijaksanaan Nordin Hassan melakukan pengubahsuaian dan penyesuaian absurdisme mengikut acuan keislaman dan adat kemelayuan telah menyumbang kepada penerimaan konsep absurd dan telah dianggap sebagai pelopor kepada drama absurd di Malaysia.”

Sejak kemunculan naskhah drama absurd oleh Noordin Hassan pada tahun 1970 yang mempunyai acuan keislaman dan adat kemelayuan itu telah memunculkan pengarang naskhah drama sedemikian rupa pada tahun-tahun seterusnya. Pengarang-pengarang tersebut ialah Johan Jaaffar *Kotaku Oh Kotaku* (1975), Dinsman *Bukan Bunuh diri* (1975), Mana Sikana *Apa-apa* (1975), dan Ismail Kassan “Syajar” (1980). Selain daripada acuan keislaman dan nilai-nilai Melayu dalam naskhah drama pengarang-pengarang ini, faktor sosial dan persekitaran masyarakat di Malaysia pada waktu itu juga mempengaruhi teks mereka. Hal ini kerana, pada waktu itu keadaan sosial dan persekitaran masyarakat di Malaysia telah dibelenggu oleh permasalahan dari segi agama, politik, dan pembentukan identiti bangsa pasca tragedi 13 Mei 1969. Oleh itu, para pengarang telah membahaskan isu-isu tersebut secara absurd sehinggakan mempunyai nilai estetika dan menuntut pembaca menyelidikinya secara lebih kolektif dari sudut dalaman dan luaran teks.

Oleh hal yang demikian, naskhah drama absurd pengarang Melayu yang membicarakan hal-hal keislaman, dan isu-isu sosial dan persekitaran masyarakat secara tidak langsung menyembunyikan pesanan-pesanan yang mempunyai makna tertentu. Sehubungan itu pesanan pengarang yang mempunyai makna tertentu itu terlihat melalui watak, dialog, arahan pentas, latar pentas, dan objek pentas apabila diselidiki secara luaran teks. Tujuan pengarang Melayu berbuat sedemikian kerana mahu memberikan kesedaran kepada pembaca tentang peringatan-peringatan Allah





SWT berkaitan dengan akidah, syariat, dan akhlak secara berseni dan indah. Secara tidak langsung, ia mewujudkan erti keindahan terhadap teks berteraskan agama kepada yang hakiki. Seperti dijelaskan Abdul Halim, (2017), iaitu “puncak daripada kesedaran itu ialah pembaca menyedari hakikat keindahan yang hakiki, iaitu keindahan yang menjadi sumber kepada segala keindahan manifestasi.” Oleh itu, ia adalah berkenaan tentang soal kebenaran, dan kebaikan yang disampaikan Allah SWT melalui al-Quran dan Rasul-Rasul utusan-Nya. Seperti dijelaskan Hamka yang dipetik dalam Mohd Faizal (2012), iaitu dalam seni dan sastera “mestilah juga merangkumi keindahan, kebenaran dan kebaikan. Keindahan, kebenaran dan kebaikan itu kembali semula kepada Tuhan.” Oleh hal yang demikian, pengarang yang menghasilkan sesebuah karya sastera terutamanya dalam penciptaan naskhah drama absurd haruslah bersandarkan kepada Allah SWT. Hal ini sangat penting kerana, naskhah drama yang dicipta oleh pengarang itu menjadi sebagai sumber kepada keindahan, kebenaran dan kebaikan yang datangnya dari Allah SWT. Secara tidak langsung ia dapat membuatkan manusia wajib mengimani Allah SWT sebagai Tuhan yang Maha Esa seluruh alam dan mengikut segala apa yang telah dilarang-Nya.

Oleh itu, keindahan yang mengandungi kebaikan dan kebenaran dalam sesebuah teks yang dihasilkan oleh pengarang dalam konteks naskhah drama absurd jelas tidak boleh dipisahkan dengan Islam. Menurut Abdul Hadi (2000), iaitu “agama Islam membuka luas ruang keterbukaan bagi membolehkan apa sahaja unsur luar memasuki dan bersepadu dengan prinsip-prinsip ajarannya yang berteraskan tauhid.” Oleh demikian, ia menjadi sangat penting kerana gambaran tentang hakikat Islam haruslah mempunyai interaksi dengan naluri, emosi sesama manusia. Sehubungan itu, seseorang pengarang Melayu khususnya pengarang naskhah drama absurd haruslah





menterjemahkan keesaan dan keagungan Allah SWT sebagai Tuhan semesta alam ke dalam teks ciptaannya. Perkara ini sangat penting untuk menjadikan naskhah drama absurd tersebut sebagai alat komunikasi yang memberikan pengajaran dan maklumat berguna kepada pembaca, dan seterusnya kepada khalayak.

Jelas gambaran tentang Islam, dan keagungan Allah SWT sebagai Tuhan semesta alam merupakan isi penting dalam pembinaan naskhah drama absurd khususnya oleh pengarang Melayu. Selain itu, pengarang naskhah drama absurd Melayu melontarkan pandangannya terhadap keadaan isu-isu yang berlaku dalam masyarakat. Menurut Nasir dan Azhar (2020), iaitu “perkara ini wujud disebabkan kesedaran pengarang itu sendiri untuk memberikan pandangan dan teguran terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku masyarakat yang dianggap memberi kesan atau konflik dalam kehidupan.” Oleh itu, paparan isu-isu masyarakat oleh pengarang tersebut sebenarnya bukanlah mahu memperlihatkan keburukan dari perilaku negatif manusia di dalam teks semata-mata, tetapi mahu mengajak pembaca memahaminya bahawa perilaku negatif tersebut tidak dibenarkan sama sekali dalam ajaran Islam kerana memberi kemudahan dalam kehidupan jika ia dilakukan.

Berpegang kepada perkara ini, naskhah drama absurd ciptaan pengarang Melayu yang mengandungi gambaran tentang Islam, keagungan Allah SWT, dan memaparkan isu-isu masyarakat secara tidak langsung mewujudkan perutusan dari pengarang itu sendiri. Hal ini kerana, anutan agama pengarang Melayu, iaitu Islam dan secara tidak langsung mengakui keesaan Allah SWT memberi kesan dalam proses kreatifnya. Selain itu, faktor persekitaran dan isu-isu masyarakat juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pembangunan sesebuah naskhah drama absurd ciptaan pengarang Melayu. Berdasarkan perkara inilah yang dapat dikenal pasti





melalui naskhah drama Ismail Kassan (1954), iaitu “Syajar” (2003), “Sabda Sang Pendeta” (1987), dan “Istiqamah” (2003). Secara ringkas, Ismail Kassan (1954) graduan Universiti Kebangsaan Malaysia terlibat dalam penulisan naskhah drama bermula pada tahun 1972 menerusi “Fajar Merah di Teluk Ketapang”. Setelah itu, melalui *Syajar* telah memperkenalkan nama Ismail Kassan di arena drama tanah air sebagai pengarang, dan pengarah angkatan baharu yang sebelum itu dipelopori Noordin Hassan pada tahun 1970-an, dan diikuti oleh tokoh-tokoh lain seperti Dinsman, Johan Jaaffar, dan Anuar Nor Arai. Selain itu, Ismail Kassan yang berhubungan rapat dengan dramatis angkatan 1970-an, iaitu Mana Sikana yang dikenali sebagai pengarang naskhah drama beraliran absurd telah mempengaruhi proses kreatifnya. Oleh itu, naskhah-naskhah drama yang dihasilkan Ismail Kassan ketika itu dikenal pasti menjurus kepada aliran absurd. Oleh kerana Ismail Kassan menghasilkan naskhah drama beraliran sebegitu telah membuatkan dirinya mendapat perhatian dalam arena drama tanah air. Hal ini kerana teks ciptaannya mengandungi perutusan berkenaan hal berkaitan agama Islam dan isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Menurut Aishah et al. (2014) yang dirumuskan, Ismail Kasaan “melalui naskhah dramanya mempunyai nilai estetika, tidak sahaja kepada hiburan, tetapi menzahirkan unsur-unsur keislaman dalam memperbetulkan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat. Menerusi hal ini, jelas pengarang menghidupkan naratif naskhah dramanya agar mesej keislaman dan memperakui keagungan Allah SWT dapat disampaikan dengan baik.” Secara tidak langsung hal berkaitan dengan Islam dan isu-isu dalam masyarakat di dalam teks itu dapat dijadikan panduan khususnya kepada khalayak ketika menjalani kehidupannya.





Berdasarkan perkara ini, premis naskhah drama Ismail Kassan, iaitu “Syajar” menumpukan kepada persoalan tentang objek sebuah pohon sena yang menjurus kepada konsep diri, dan perjalanan hidup manusia yang saling berkonfrontasi dalam kehidupannya. Manakala “Sabda Sang Pendeta” menumpukan persoalan kepada sikap negatif sekumpulan manusia yang sedang mencari harta karun. Manakala “Istiqamah” memaparkan persoalan air sebagai falsafah kepada keperluan, pembersihan, dan segala-galanya dalam kehidupan. Melalui ketiga-tiga premis naskhah drama Ismail Kassan yang telah dijelaskan, dapat dikenal pasti persoalan yang dibangkitkan pengarang di dalam teks merupakan pandangannya terhadap nilai-nilai Islam dan isu-isu masyarakat yang terjadi dalam kehidupan manusia. Kedua-dua perkara ini secara tidak langsung ia adalah perutusan pengarang dari dalam teks ciptaannya.

Oleh itu, untuk menemukan dan memahami nilai-nilai Islam, dan isu-isu masyarakat daripada trilogi naskhah drama Ismail Kassan, menerusi “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta” dan “Istiqamah” yang seterusnya dapat dirumuskan sebagai perutusan pengarang, ia harus diselidiki secara ilmiah, dan sistematik. Sehubungan itu analisis harus bersandarkan kepada pendekatan teori yang bersesuaian. Oleh hal yang demikian, kajian ilmiah ini mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu bersandarkan kepada Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan yang diketengahkan oleh Abdul Halim Ali (2010). Oleh itu, Konsep Estetika Bersepadu bersandarkan kepada Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan yang diaplikasikan terhadap teks yang dikaji dilihat wajar kerana naskhah drama beraliran absurd ini mempunyai pengaruh hubungan dalaman dan luaran teks yang dapat melahirkan perutusan. Hal ini kerana, Konsep Estetika Bersepadu bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan untuk menganalisis sesebuah teks mengemukakan dua idea teras, iaitu kesepaduan unsur dalaman (idea dan pemikiran) dengan unsur lahiriah teks (struktur teks). Kedua-





dua unsur ini akan menzahirkan stail, iaitu perkaitan stail (kesepaduan unsur dalaman) dengan kebenaran terhadap agama dan realiti kehidupan. Secara tidak langsung ia dapat mengungkapkan keinginan pengarang melalui naskhah drama ciptaannya dengan tujuan untuk memberi perutusan yang positif kepada pembaca, dan seterusnya kepada khalayak.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut;

- i. Mengenal pasti ciri-ciri naskhah drama absurd Melayu.
- ii. Menyelidiki Konsep Estetika Bersepadu yang digagaskan oleh Abdul Halim Ali.
- iii. Merumuskan perutusan pengarang dalam trilogi naskhah drama absurd Ismail Kassan dengan mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu.

1.4 Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

- i. Apakah ciri-ciri naskhah drama absurd Melayu?
- ii. Apakah Konsep Estetika Bersepadu yang digagaskan oleh Abdul Halim Ali?
- iii. Apakah rumusan perutusan pengarang dalam trilogi naskhah drama absurd Ismail Kassan dengan mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu?





1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menilai dan menyokong perkembangan penulisan naskhah drama amnya dan bidang kajian drama khususnya oleh pengarang Melayu yang beraliran absurd. Oleh itu, naskhah drama aliran absurd yang dikarang Melayu dapat berkembang dengan positif dan dapat memberi manfaat kepada ketamadunan manusia khususnya masyarakat Melayu di Malaysia. Di samping itu kajian ini akan dapat mengangkat nama pengarang, iaitu Ismail Kassan yang sebelum ini dikenali sebagai dramatis di Malaysia dari sudut nilai perutusan yang disampaikan melalui naskhah drama ciptaannya.

Di samping itu, kajian ini dapat menambah ilmu pengetahuan tentang kesusasteraan Melayu khususnya dalam bidang penulisan naskhah drama kepada pembaca dari semua lapisan masyarakat sama ada di peringkat remaja atau dewasa. Secara tidak langsung, pembaca dapat mengenali naskhah drama absurd Ismail Kassan. Seterusnya, daripada hasil kajian ini juga khalayak akan dapat mengenali tokoh, iaitu Ismail Kassan dengan lebih dekat khususnya dari sudut perutusan dalam penulisan naskhah drama ciptaannya.

Selain itu, kajian ini penting kerana ia akan menambah bilangan kajian tentang naskhah drama sebagai satu genre Kesusasteraan Melayu di Malaysia khususnya karya Ismail Kassan. Setakat ini bilangan kajian ilmiah tentang naskhah drama secara umum, ataupun secara khusus iaitu naskhah drama Ismail Kassan didapati masih lagi kurang. Oleh itu, melalui kaedah kepustakaan yang telah dijalankan, terutamanya di lima buah perpustakaan universiti awam Malaysia, iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, hanya menemukan empat kajian,





iaitu dua tesis dan dua artikel ilmiah. Ini bermakna kajian di peringkat sarjana, kedoktoran dan penulisan artikel ilmiah di universiti-universiti di Malaysia terlalu kurang.

Di samping itu, kajian yang dilakukan ini dapat menyumbang kepada bentuk penerbitan buku akademik. Oleh itu, koleksi bahan penerbitan untuk bacaan umum akan bertambah. Diharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan ke arah memperbanyakkan penerbitan buku akademik di Malaysia.

Selain itu, kajian mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu dengan bersandarkan kepada Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan oleh Abdul Halim Ali akan dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat dari sudut pemahaman tentang teori sastra yang disebutkan. Kajian ini juga boleh menjadi panduan kepada pengkaji akan datang tentang bagaimana pengaplikasian teori tersebut dalam kajian yang akan dijalankan.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada tiga naskhah drama Ismail Kassan, iaitu “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta”, dan “Istiqamah”. Naskhah drama “Syajar” dipetik dari buku *Kumpulan Skrip Drama Pentas Ismail Kassan: Gelanggang Tuk Wali* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2003, halaman 1-58. Manakala naskhah drama “Sabda Sang Pendeta” dipetik dari buku Rahmah Bujang (penyelenggara), *1400 : Antologi Drama Kontemporari* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1987, halaman 1–28. Manakala naskhah drama “Istiqamah” dipetik dari buku *Kumpulan Skrip Drama Pentas Ismail Kassan : Gelanggang Tuk Wali* terbitan Dewan Bahasa





dan Pustaka pada tahun 2003, halaman 121–190. Ketiga-ketiga naskhah drama Ismail Kassan ini dipilih untuk kajian ini kerana apabila dikenal pasti sudut luaran teks, iaitu “Syajar” tidak lagi memaparkan kisah watak Orang Tua Pencinta Alam yang bermastautin di bawah sebatang pokok sena dan mempertahankan pokok itu daripada ditebang Penguasa Pekan. Namun teks tersebut membicarakan persoalan tentang hakikat Allah SWT dan ajaran Islam, selain pandangan pengarang terhadap isu-isu masyarakat yang terjadi dalam kehidupan manusia. Manakala “Sabda Sang Pendeta” apabila dikenal pasti dari sudut luaran teks, ia tidak lagi menceritakan tentang sekumpulan manusia mencari harta karun di padang pasir tandus. Sebaliknya memaparkan tentang konsep rezeki, dan keuntungan hidup manusia ditentukan oleh Allah SWT serta pengajaran yang dapat diambil dari kisah-kisah dalam al-Quran. Selain itu, teks “Sabda Sang Pendeta” mengetengahkan isu masyarakat yang sering terjadi dalam kehidupan manusia. Manakala “Istiqamah” apabila dilihat dari sudut luaran teks, ia tidak lagi memaparkan tentang pengembaraan masa silam, dan futuristik watak Rehan dan Manna untuk mencari air, tetapi menggambarkan kebenaran Allah SWT yang termaktub dalam al-Quran dan ajaran-ajaran Islam yang wajib dijadikan sebagai panduan untuk seluruh umat manusia. Selain itu, teks “Istiqamah” memaparkan kepincangan-kepincangan perilaku manusia di dunia.

Justeru, bagi mengenal pasti permasalahan-permasalahan yang diwujudkan pengarang di dalam ketiga-tiga teks secara ilmiah, kajian ini memfokuskan kepada analisis isi teks, iaitu naratif, plot, watak perwatakan, dialog, arahan pentas, objek pentas dan latar pentas yang dianggap relevan dengan mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan. Pendekatan ini diaplikasikan bertujuan untuk mengenal pasti, dan menghuraikan





nilai-nilai Islam, dan isu-isu masyarakat daripada analisis naratif, plot, watak, dialog, arahan pentas, objek pentas, dan latar pentas yang dianggap relevan dengan kajian dilakukan berdasarkan peristiwa-peristiwa daripada persoalan-persoalan yang ditimbulkan pengarang di dalam teks. Oleh itu, nilai-nilai Islam dan isu-isu masyarakat yang ditemukan di dalam teks, dirumuskan sebagai perutusan pengarang bagi setiap satu teks yang dikaji.

1.7 Kaedah Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah menganalisis teks dan penghuraian teks yang dilakukan secara deskriptif, iaitu menganalisis naskhah drama Ismail Kassan sebagai bahan kajian. Naskhah drama Ismail Kassan yang menjadi tumpuan kajian ini adalah “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta” dan “Istiqamah”. Selain itu kajian ini mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan yang digagaskan oleh Abdul Halim Ali pada 2010 sebagai landasan kajian. Oleh itu, pengaplikasian teori oleh Abdul Halim Ali terhadap teks dilakukan secara berstruktur merangkumi isi teks, iaitu naratif, plot, watak perwatakan, dialog, arahan pentas, objek pentas dan latar pentas terpilih dan dianggap relevan dengan kajian yang dilakukan. Kaedah ini akan dapat merumuskan perutusan pengarang yang sebenarnya

Bagi memahami, dan mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu terhadap “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta”, dan “Istiqamah”, kajian ini bersandarkan kepada rujukan utama, iaitu Konsep Estetika Bersepadu tertumpu kepada Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan. Selain itu, rujukan terhadap sejarah, dan perkembangan drama



terutamanya beraliran absurd di Malaysia juga digunakan. Hal ini kerana, rujukan-rujukan ini menjadi panduan utama kepada naskhah drama yang dikaji.

Selain itu, kaedah kepustakaan juga dilakukan untuk mencari sumber-sumber pustaka lain yang dianggap sesuai, dan ada kaitan dengan pendekatan yang diaplikasikan terutamanya definisi, dan ciri-cirinya. Sumber-sumber pustaka lain, iaitu berkaitan psikologi, agama, sosial masyarakat, sosiobudaya, dan lain-lain lagi yang dapat membantu untuk mengenal pasti hubungan dalaman, dan lahiriah teks yang terdapat di dalam “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta” dan “Istiqamah” juga digunakan bagi membantu merumuskan keputusan pengarang melalui naskhah drama yang dikaji.

Kaedah pencarian internet juga dilakukan dalam membina kajian ilmiah ini.

Dengan teknologi masa kini, pencarian dalam talian dianggap sesuai untuk membantu mendapatkan maklumat serta penerangan tentang drama absurd, Islam, psikologi, sosial masyarakat, dan sumber lain yang dianggap relevan dengan kajian yang dijalankan.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional kajian ini akan sering menyebut, dan mengulang-ulang beberapa perkara yang penting seperti berikut:



1.8.1 Naskhah Drama Absurd

Naskhah drama absurd merujuk kepada skrip drama pentas, iaitu sebuah cerita yang dihasilkan oleh seseorang pengarang yang merangkumi watak, dialog, arahan pentas, latar pentas, dan objek pentas. Di dalam sesebuah naskhah drama absurd, pembinaannya tertumpu kepada pusat penceritaan. Menurut Nasir dan Azhar (2019), “perkara ini berlaku kerana pengarang hanya memaparkan simbol-simbol tertentu dengan mengabaikan, dan melanggar peraturan ketika pembinaan plot, iaitu dari awal hingga pengakhiran dengan tidak lagi mengikut gaya penulisan seperti lazimnya naskhah drama realisme.” Manakala Mana Sikana (2013b) menjelaskan naskhah drama absurd, iaitu “komponen-komponennya seperti tiada pemusatan cerita, tiada plot, tiada mesej, tiada pesan, dan tidak bergerak lagi. Jika pun bergerak, ia menuju kepada pembulatan, iaitu berpusing-pusing, dan kutub pertama asalnya.” Jelas sesebuah naskhah drama absurd lebih memaparkan sesuatu yang abstrak dan menuntut pembaca untuk berfikir kritis dalam memahami isi teksnya secara menyeluruh. Hal ini sesuai dengan pendapat Mohamad Nazri (2000), iaitu “cerita dalam teater absurd lebih mengarah kepada kritikan sosial yang digambarkan tentang hukuman bagi sesuatu yang tidak tulen, ataupun gambaran manusia yang berpandangan sempit.” Sehubungan itu pengarang yang mencipta naskhah drama absurd bertujuan untuk memaparkan persoalan-persoalan tentang kehidupan manusia secara abstrak dan menuntut pendekatan lain untuk pembaca memahaminya. Oleh itu ia telah membuatkan naskhah drama absurd itu bertindak sebagai salah satu cara pengarang memberikan pandangan terhadap sesuatu isu yang berlaku dalam kehidupannya melalui teks yang telah diciptanya secara berestetika.





1.8.2 Melayu

Takrif Melayu mengikut *Kamus Dewan* adalah sebagai nama suatu bangsa yang menetap dan mendiami seluruh daerah Nusantara di Asia Tenggara serta bahasanya. Manakala takrifan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1972 menjelaskan Melayu adalah suku bangsa yang ada di Semenanjung Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina, dan Madagascar. Selain itu, Melayu dapat ditakrifkan sebagai satu bangsa setelah seseorang itu memperlihatkan keperibadiannya melalui tradisi, dan adat-istiadat Melayu baik dari aspek pemakanan dan pemakaian sebagai cara hidupnya sehari-hari. Malaysia mentakrifkan Melayu berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Seperti dijelaskan Nisar (2014), iaitu “Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan memperincikan definisi Melayu sebagai seseorang yang beragama Islam, mengamalkan adat, dan budaya Melayu, melazimi pertuturan dalam bahasa Melayu.” Selain itu, berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, seseorang itu boleh ditakrifkan sebagai Melayu apabila dirinya lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan, atau pada Hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau Singapura atau ia adalah keturunan seseorang yang tersebut dengan syarat mengamalkan cara hidupnya sebagai Melayu. Justeru, jika salah satu daripada syarat tersebut tidak lengkap, dan dipenuhi, maka seseorang yang berada di Malaysia itu tidak dapat diiktiraf sebagai Melayu berdasarkan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.





1.8.3 Islam

Dari segi etimologi, istilah Islam diambil dari bahasa Arab, iaitu *Aslama-yuslimu*, iaitu berserah diri, patuh, taat, dan tunduk. Pengertian ini menurut seorang Muslim adalah untuk berserah diri, tunduk, patuh, dan taat kepada ajaran, tuntutan, peraturan, dan hukum dari Allah SWT. Seorang Muslim diwajibkan yakin bahawa Allah itu Esa. Sehubungan itu, sebagai seorang Muslim, diwajibkan untuk menyembah Allah SWT sebagai Tuhan yang Satu. Selain itu, seorang Muslim diwajibkan percaya bahawa Islam disebarkan oleh Nabi Muhammad SAW berdasarkan wahyu yang diturunkan Allah SWT kepadanya. Selain itu, segala yang terkandung dalam al-Quran adalah sebagai panduan hidup untuk umat Muslim. Perkataan Islam juga berasal dari *Assilm* yang bermaksud perdamaian, kerukunan, dan keamanan. Dalam hal ini, Wahyuddin (2009) menjelaskan “Islam menganjurkan kepada seorang Muslim agar mewujudkan perdamaian, dan keamanan dalam kehidupannya, dan juga terhadap masyarakat.”

Selain itu, Islam juga diambil dari perkataan *assalam* yang bermaksud selamat sejahtera, dan bahagia. Oleh demikian, Islam menyarankan kepada penganutnya agar dapat mewujudkan kesejahteraan, dan keselamatan dalam kehidupan bermasyarakat, dan negara.

1.8.4 Perutusan

Perutusan secara definisi adalah pesanan, amanat. Dalam sesebuah karya sastera, perutusan merupakan pesan moral yang ingin disampaikan seorang pengarang kepada pembacanya. Berdasarkan hal ini, perutusan pengarang tersebut merupakan nasihat yang terkandung dalam karya sastera ciptaannya. Sudah tentu, pesan moral tersebut





memperlihatkan sesuatu nilai positif yang dapat diambil oleh pembaca. Oleh itu pembaca yang membaca sesebuah karya sastera, harus mengenal pasti dan memahami perutusan yang disampaikan pengarang baik dari aspek tersurat dan tersirat. Berdasarkan Konsep Estetika Bersepadu, sesebuah karya sastera itu mempunyai sesuatu keindahan. Keindahan itu bermaksud hal yang menyenangkan yang dapat diperoleh oleh pembaca yang membaca sesebuah karya sastera. Menurut Abdul Halim (2014), keindahan yang wujud dalam karya sastera “dalam penggunaan gaya dan pemikiran penyair dimaknakan lagi dengan perutusan yang ingin disampaikan kepada khalayak.” Manakala Othman (2004) menjelaskan, iaitu “seseorang pengarang mengarang kerana ada sesuatu yang ingin disampaikan. Dengan itu, penyair tidak sekadar menampilkan kebijaksanaannya dalam stail mengarang, tetapi juga kebijaksanaan dalam menyampaikan perutusan kepada pembaca.” Jelas, perutusan yang hadir dalam sesebuah karya sastera itu merupakan keindahan yang bermakna dan dapat dikongsi dan diperoleh oleh pembaca dan seterusnya khalayak.

1.8.5 Absurd

Secara definisi, absurd dalam istilah sastera adalah tidak masuk akal atau mustahil. Karya sastera yang berunsurkan absurd adalah karya sastera yang berpegang bahawa pada dasarnya manusia dalam berkeadaan tidak masuk akal dari segi perwatakannya. Selain itu, latar persekitaran dalam karya sastera berunsurkan absurd juga memperlihatkan keadaan yang tidak masuk akal dan mustahil seperti lazimnya dalam keadaan latar persekitaran yang normal. Menurut Esslin (2015), iaitu absurd dalam karya sastera “adalah tanpa tujuan, terenggut dari akal agama, metafizikal, dan transendental. Oleh itu, manusia menjadi kehilangan dan segala tindakannya tidak





masuk akal, dan sia-sia.” Sehubungan itu, konsep absurd dalam karya sastra dapat diperhatikan dengan cara membandingkannya dengan karya sastra beraliran realisme. Hal ini kerana, karya sastra beraliran realisme tidak memungkinkan untuk memperlihatkan situasi watak-watak atau latar persekitaran di dalam teks yang memperlihatkan keadaan yang tidak masuk akal atau mustahil dialami oleh manusia normal. Berdasarkan sejarah, karya beraliran absurd muncul dan berkembang sebagai salah satu genre sastra pasca Perang Dunia Kedua. Dalam hal ini, perkembangan aliran absurd tidak dapat dipisahkan dengan fahaman eksistensialis. Menurut Halliday dan Hasan (1976), iaitu “pelopor aliran absurd moden ialah Albert Camus. Camus merupakan individu yang menghubungkan fahaman absurd dengan eksistensialis yang menghadirkan absurd sebagai fahaman yang dicerapkan ke dalam karya sastra.” Berdasarkan perkara ini, ia telah mewujudkan pengarang-pengarang yang befahaman sedemikian rupa terutamanya dalam naskhah drama antaranya Samuel Becket, Ionesco, dan Eugene Ionesco dan Arthur Adamov.

1.8.6 Naskhah Drama Absurd Melayu

Naskhah drama absurd Melayu merujuk kepada skrip drama pentas yang dihasilkan oleh pengarang Melayu di Malaysia. Di dalam naskhah drama absurd Melayu, terdapat komponen berupa watak, dialog, arahan pentas, latar pentas, dan objek pentas. Kesemua komponen ini berperanan untuk pembentukan naratif. Pembentukan naratif dalam naskhah drama absurd Melayu tertumpu kepada pusat penceritaan yang berkait dengan hubungan keagamaan dan isu-isu masyarakat. Menurut Nasir dan Azhar (2020), iaitu “dalam naskhah drama absurd Melayu, pusat penceritaan digarap pengarang secara pelambangan dengan mengabaikan, dan melanggar peraturan gaya





penulisan seperti lazimnya naskhah drama realisme.” Oleh itu, pelambangan yang terdapat di dalam teks bertujuan sebagai cara pengarang memberikan pendapatnya secara tersirat. Secara tidak langsung ia menuntut pembaca untuk menafsirkannya secara kritis, komprehensif dan menyeluruh.

1.9 Kesimpulan

Daripada penerangan pada bab satu, dapatlah dirumuskan, iaitu kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis trilogi naskhah drama Ismail Kassan, iaitu “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta” dan “Istiqamah” bagi merumuskan keputusan pengarang dengan mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu dengan bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan. Ketiga-tiga teks yang merupakan naskhah drama beraliran absurd itu dikenal pasti mengandungi keputusan walaupun teksnya hanya tertumpu kepada pusat penceritaan berkisar persoalan-persoalan berkaitan agama, dan ketuhanan selain memaparkan isu-isu masyarakat yang terjadi dalam kehidupan manusia.

Justeru, dengan mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu dengan bersandarkan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan ia dapat membantu merumuskan keputusan yang sebenarnya dari “Syajar”, “Sabda Sang Pendeta” dan “Istiqamah” secara sistematik, dan berkesan. Selain itu, dengan mengaplikasikan Konsep Estetika Bersepadu terhadap ketiga-tiga teks yang dikaji, ia bukan sahaja dapat membuktikan teori tersebut dapat diaplikasikan bagi merumuskan keputusan pengarang secara berstruktur, sistematik, dan berkesan, tetapi ia dapat membantu penganalisis lain untuk menganalisis, menemukan dan merumuskan keputusan





pengarang terhadap sesebuah naskhah drama absurd. Ini kerana, naskhah drama absurd yang dikarang pengarang itu sebenarnya mengandungi sesuatu yang bersifat sejagat, serta relevan ketika pengarang memberi pandangannya terhadap persoalan-persoalan tentang Islam, keagungan Allah SWT, dan kepincangan-kepincangan manusia dalam hidup bermasyarakat.

